



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	23/10/2019	MUKA SURAT	:	49
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Bunuh gajah Pygmy

Ganjaran RM50,000 beri maklumat

Kota Kinabalu: Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) menawarkan ganjaran RM50,000 kepada pemberi maklumat kes pembunuhan gajah Pygmy Borneo yang bangkainya ditemui di Ladang Bimbingan (IOD), Beluran, Jumaat lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Darrel Webber, mengutuk insiden terbaru pembunuhan haiwan itu, sekali gus merayu orang ramai yang ada maklumat agar tampil membantu usaha membanteras pemburuan haram hidupan liar di negeri ini.

Beliau menjelaskan, ganjaran itu yang akan diselaraskan melalui Jabatan Hidupan Liar Sabah (JHLS) antara langkah diambil dalam inisiatif pemuliharaan gajah.

"Pembunuhan terbaru gajah ini simptom kepada masalah lebih besar jika kita tidak masuk campur

"Terbabit dalam kerja pemuliharaan di Sabah, saya tahu dua masalah utama gajah di negeri ini, iaitu jurang haiwan itu dengan laluan yang banyak dipengaruhi oleh pembangunan. Ia menyumbang kepada konflik antara manusia dengan gajah.

"Kedua, peningkatan pemburuan gajah untuk mendapatkan gading," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.